

Hujan berterusan sehingga Rabu di Pahang, Johor

KUALA LUMPUR - Keadaan hujan sekejap-sekejap yang kadangkala lebat di beberapa daerah di Pahang dan Johor dijangka berterusan sehingga Rabu dan boleh menyebabkan banjir di kawasan rendah.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan di sini semalam berkata, daerah terbabit ialah Kuantan, Pekan dan Rompin di Pahang, serta Mersing dan Kota Tinggi di Johor.

Selain itu, perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur dijangka dilanda angin kencang timur laut dengan kelajuan 60 kilometer sejam dengan ombak melebihi 5.5 meter.

Keadaan serupa juga diramal di Sarawak, Labuan dan Sabah meliputi kawasan pedalaman, pantai barat dan Kudat, serta kepulauan Samui, Tioman, Reef North, Layang-Layang dan Palawan.

Keadaan ini dijangka berterusan sehingga Sabtu ini, kata kenyataan itu.

Selain itu, kawasan pantai di pantai timur Semenanjung juga terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut sehingga esok.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan termasuk pekerja di pelantar minyak.